

# MENTALITI SUBSIDI

**B**ILAKAH kali pertama anda mencuci kasut, mengemas tempat tidur atau menggosok pakaian sendiri?


Berapakah usia anda ketika itu? Sekiranya anda tidak pernah melakukan semua perkara ini sendiri, bilakah anda akan mula untuk melakukannya?

Tidak dinafikan terdapat segelintir remaja yang masih bergantung pada ibu bapa atau adik-beradik yang lain untuk melakukan kerja untuk diri sendiri. Segala-galanya perlu disiapkan atau disediakan. Oleh sebab terlalu selesa dengan keadaan sedemikian, tanpa disedari sikap ini akan menjadikan seseorang remaja itu bersikap negatif. Jika sikap ini berlarutan, bagaimanakah mereka akan menjalani kehidupan sendiri apabila melanjutkan pengajian dan berjauhan dari keluarga?

Sikap mengharapakan bantuan daripada orang lain merupakan sindrom sosial yang perlu dikikis bagi melahirkan insan atau remaja yang mampu berdikari serta bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Amalan negatif ini, jika dibiarkan berlarutan bukan sahaja akan mendatangkan impak yang negatif kepada remaja terbabit malah akan melahirkan menyebabkan masyarakat yang pincang.

Pada zaman yang semakin pantas dan maju ini, remaja harus bersikap lebih proaktif bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi masa hadapan. Remaja yang masih





mengharapkan bantuan orang lain untuk mengurus dirinya pasti akan berhadapan dengan pelbagai kesulitan apabila melangkah ke alam kehidupan yang lebih luas dan mencabar.

Remaja pada masa ini sebenarnya lebih bertuah jika dibandingkan dengan remaja pada dekad 1960-an hingga dekad 1980-an. Sekiranya remaja yang hidup pada zaman itu mampu berdikari hingga menjadi insan yang berjaya kini, remaja zaman ini pasti lebih mampu melakukannya. Jika dibandingkan dari aspek prasarana dan kemudahan, ternyata remaja kini amat bertuah kerana mampu memperoleh hampir segala-galanya dengan mudah. Remaja era kini tidak perlu membakar arang untuk menggosok baju, sebaliknya hanya perlu memetik suis elektrik sahaja. Remaja hari ini juga tidak perlu berjalan kaki atau mengayuh basikal berbatu-batu jauhnya untuk sampai ke sekolah kerana adanya kemudahan pengangkutan seperti bas sekolah atau kenderaan yang dimiliki oleh ibu bapa.

Sehubungan dengan itu, orang yang mengharapkan bantuan orang lain dapat ditamsilkan seperti individu yang menanggung di atas bahu orang lain dan mengharapkan orang yang ditunggangnya itu membawanya ke mana-mana dan melakukan apa-apa sahaja untuknya. Keadaan seperti ini pastinya tidak akan dapat bertahan lama kerana orang yang ditunggangnya itu pasti akan letih dan terpaksa menurunkan beban yang dipikulnya.

Daripada kerja di rumah yang mudah, akhirnya amalan meminta bantuan daripada orang lain ini akan melarat hingga alam persekolahan dan lebih buruk lagi jika perkara ini berlautan ke alam pekerjaan. Tingkah laku negatif ini perlu dibendung dengan segera kerana tidak semua orang mampu membantu orang lain selama-lamanya. Akhirnya, seseorang itu terpaksa melakukan semua pekerjaan itu sendiri.

Seseorang yang terbiasa mengharapkan bantuan orang lain untuk melakukan sebarang pekerjaan sebenarnya berhadapan dengan kesukaran pada masa hadapan. Amalan ini memberikan impak yang negatif kepada individu terbabit. Antara impak negatif akibat amalan mengharapkan bantuan orang lain untuk melakukan kerja ini termasuklah:

- berasa rendah diri dan kurang berkeyakinan untuk melakukan tugas yang diberikan kepadanya;
- sentiasa mencari helah atau alasan untuk menolak sebarang tugas yang diamanahkan kepadanya;
- kurang berdaya saing semasa menghadapi pelbagai cabaran atau tugas;
- mudah berputus asa dan kecewa dalam melakukan sesuatu pekerjaan;
- mempunyai masalah untuk mengurus diri sendiri atau tempat tinggal; dan

